

المحتويات

- 1 . ١ منزلة الحياء من الدين
Kedudukan Sifat Malu Dalam Islam
- 3 . ٢ الجزاء يتبع النية
Balasan (Sesuatu Perkara) Itu Mengikuti Niatnya
- 5 . ٣ أحب الأعمال الصالحة إلى النبي ﷺ
Amalan Yang Paling Disukai Oleh Nabi Saw
- 6 . ٤ الوسيلة إلى الجنة
Jalan Ke Syurga
- 8 . ٥ الغنى غنى النفس
Kekayaan (Yang Sebenar) ialah Kaya Jiwa
- 10 . ٦ صلة الرحم تطيل الأجل وتوسع الرزق
Menyambung Hubungan Kekeluargaan Memanjangkan Usia Dan Meluaskan Rezeki
- 12 . ٧ عناية الإسلام بالخدام
Islam Mengambil Berat Berkaitan Pembantu Rumah
- 14 . ٨ أخوة الاسلام وما يقتضيه
Persaudaraan Islam Dan Tuntutannya
- 16 . ٩ نصر الظالم والمظلوم
Membantu Orang Zalim Dan Orang Yang Dizalimi
- 18 . ١٠ خطر الكلمة
Bahaya Kata-Kata

نصوص مختارة من السنة النبوية

HADIS

Tingkatan 2

Pelajaran 1

KEDUDUKAN SIFAT MALU DALAM ISLAM

Daripada Abdullah bin Umar r.a, sesungguhnya Rasulullah lalu di hadapan seorang lelaki ansor sedang menasihati saudaranya tentang sifat malu, lalu Rasulullah s.a.w bersabda: *Biarkan dia (dengan sifat malu itu), sesungguhnya sifat malu itu daripada iman.*

- 1- Tajuk hadis ini ialah Kedudukan Sifat Malu Dalam Islam
- 2- Perawi Hadis ini ialah Abdullah bin Umar
- 3- Abdullah bin Umar bin al Khattab ialah saudara kandung Ummul Mukminin Hafsa r.a. beliau dilahirkan di Mekah setahun sebelum kebangkitan nabi saw (sebagai rasul), meninggal dunia pada tahun 73 dan dikuburkan berhampiran dengan Mekah. Beliau berhijrah ke Madinah sebelum bapanya berhijrah.

Perbendaharaan kata :

Ansar: orang yang membantu nabi saw di kalangan penduduk madinah.

Ya'izu: nasihat dan peringatan.

Akhahu : saudara kandung , saudara susuan atau saudara seagama

Fil haya' : iaitu tentang sikap malu

Da'hu : biarkannya.

Al iman : patuh dan menerima apa yang dibawa oleh nabi saw.

منزلة الحياء من الدين

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله ﷺ مر على رجل من الأنصار، وهو يعظ أخاه في الحياء، فقال رسول الله ﷺ: **دعه ، فإن الحياء من الإيمان.**

[أخرجه البخاري في باب الحياء من الإيمان]

١- موضوع هذا الحديث هو منزلة الحياء من الدين

٢- راوي هذا الحديث هو عبد الله بن عمر

٣- عبد الله بن عمر بن الخطاب هو أخوالشقيق أم المؤمنين حفصة. ولد بمكة قبل مبعث النبي بسنة، وتوفي عام ٧٣ هـ ودفن قريبا من مكة. وهاجر إلى المدينة قبل أبيه.

المفردات :

الأنصار : هم الذين نصرنا من أهل المدينة

يعظ : النصح والزجر

أخاه : أخوه من النسب ومن الرضاع وفي الدين

في الحياء : أي شأن الحياء

دعه : اتركه

الإيمان : الإذعان والقبول بما جاء به النبي ﷺ

Huraian hadis

- 1- Syariat Islam mengambil berat pada akhlak mulia kerana baiknya urusan manusia di dunia ini bersumberkan kepada akhlak mulia.
- 2- Tujuan dibangkitkan Rasulullah saw ialah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.
- 3- Maksud [دعه، فإن الحياء من الإيمان] : Biarkan dia bersifat dengan akhlak sunnah ini yang ada padanya, melakukan apa yang dituntut oleh sifat tersebut.
- 4- Iman tidak hilang tanpa sifat malu.
- 5- Sifat malu ini terdapat tiga bentuk :
 - i) Malu pada Allah swt iaitu menjunjung perintah dan menjauhi laranganNya.
 - ii) Malu pada manusia iaitu menahan diri daripada menyakiti manusia.
 - iii) Malu pada diri sendiri iaitu menjaga kehormatan diri dan ketika bersendirian.

Kesimpulan daripada hadis

- 1- Iman tidak sempurna kecuali dengan adanya sifat malu.
- 2- Menzahirkan kebenaran dan menolak setiap kesalahan yang berkaitan dengan urusan agama.
- 3- Perlu bagi seseorang yang ingin menyuruh sesuatu perkara atau melarangnya agar menerangkan sebab tindakan tersebut, kerana yang demikian dapat memberi kefahaman dan mudah diterima oleh manusia.

شرح الحديث

- ١- عنيت الشريعة الإسلامية بمكارم الأخلاق لأن صلاح أمر الإنسان في الدنيا مرجعه إلى الأخلاق الفاضلة.
 - ٢- الغرض من بعثة الرسول صلى الله عليه وسلم هو تكميل مكارم الأخلاق.
 - ٣- المراد ب (دعه، فإن الحياء من الإيمان) أي اتركه متحليا بهذا الخلق السني مستجيبا لكل ما يقتضيه.
 - ٤- لا ينتفي الإيمان بفقده
 - ٥- للحياء ضروب ثلاثة:
 - أ) حياء من الله هو أن يكون بامثال أوامره واجتناب نواهيه
 - ب) حياء من الناس هو أن يكون بكف الأذى
 - ت) حياء من النفس هو أن ينحصر في العفة وصيانة الخلوات
- ما يؤخذ من الحديث:

- ١- الإيمان لا يكون كاملا إلا بالحياء.
- ٢- إظهار الصواب والرد على كل خطأ.
- ٣- ينبغي لمن أمر بشيء أو نهى عنه أن يبين السبب فإن ذلك يعين على الفهم ويحمل على القبول.

BALASAN (SESUATU PERKARA) ITU MENGIKUT NIATNYA

Daripada Abu Hurairah r.a daripada nabi s.a.w bersabda: *sesiapa yang mengambil (meminjam) harta orang lain dan ingin membayarnya kembali maka Allah akan menyempurnakannya dan sesiapa yang mengambilnya dengan tujuan membinasakannya maka Allah akan binasakannya.*

- 1- tajuk hadis ini ialah Balasan (Sesuatu Perkara) Itu Mengikut Niatnya
- 2- Perawi Hadis ini ialah Abdullah bin Umar
- 3- Abu hurairah r.a ialah Abdul Rahman bin Sakhr ad Dusi. Beliau sentiasa berdamping dengan nabi saw selepas memeluk Islam. Beliau adalah antara penghuni Suffah (anjung masjid nabi saw yang didiami golongan fakir di kalangan Muhajirin). Beliau meninggal dunia pada tahun 67 H dan usianya 78 tahun.

Perbendaharaan kata :

Akhaza : mengambil

Amwal: kata jamak bagi mal, Mal ialah sesuatu yang dijadikan harta dan dianggap harta mengikut pandangan umum seperti emas dan perak.

An nas : kata nama jamak bagi insan dan ia digunakan untuk manusia dan jin.

Yuridu: kehendak dan keinginan, iaitu keazaman melakukan sesuatu dan meninggalkannya.

Adda : membayar harta (yang dipinjam) kepada tuannya atau menyampaikannya.

Itlafuha: iaitu merusakkan.

Atlafahullah : Allah akan binasakan orang yang mengambil harta itu yang tidak ingin mengembalikannya semula.

الجزاء يتبع النية

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: **من أخذ أموال الناس يريد أداءها أدى الله ، ومن أخذها يريد أو اتلافها أتلفه الله.**
[أخرجه البخاري في باب من أخذ أموال الناس يريد أداءها أو اتلافها]

- 1- موضوع هذا الحديث هو **الجزاء يتبع النية**
- 2- راوي هذا الحديث هو أبو هريرة رضي الله عنه
- 3- أبو هريرة هو عبد الرحمن بن صخر الدوسي وكان يلازم النبي بعد إسلامه. وهو من أهل الصفة وتوفي في سنة ٥٧ هـ وكان عمره ٧٨ سنة.

المفردات :

أخذ : تناول

أموال : جمع مال، والمال هو ما يتمول ويعد مالا في العرف كالتقدين.

الناس : اسم جمع للإنسان، ويطلق على الإنس والجن.

يريد : أي الإرادة والمشئنة وهي العزم على الفعل أو الترك.

أدى : أي أدى المال إلى صاحبه أو صلة إليه.

إتلافها : أي الهلاك.

أتلفه الله : أهلك الله الآخذ الذي يريد عدم الرد.

Huraian hadis

- 1- maksud dengan harta itu bagi penduduk di pedalaman ialah binatang ternakan.
- 2- biasanya digunakan perkataan "an nas" itu pada manusia.
- 3- maksud dengan "itlafuha" dalam hadis ini ialah tidak mengembalikannya harta (yang dipinjam itu) kepada tuannya.
- 4- maksud sabda nabi saw "atlafahullahu" ialah azab akhirat.
- 5- individu dan masyarakat memerlukan kepada bertukar ganti (barangan) untuk memperolehi kepentingan material dan spiritual.

Islam membenarkan untuk berhutang dan menetapkan cara-cara berikut :

- i. Mencatat hutang tersebut sama ada sedikit atau banyak, terdapat saksi ketika berhutang.
- ii. Apabila tidak ada penulis untuk mencatat hutang atau ada halangan untuk melaksanakan perkara tersebut, maka orang yang berhutang itu menyerahkan gadaian kepada orang yang memberi hutang sebagai jaminan terhadap hutang tersebut.
- iii. Sekiranya orang yang memberi hutang mempercayai kepada orang yang berhutang itu tanpa mencatat atau menyerahkan gadaian kerana berdasarkan kepercayaan dan amanah maka wajiblah orang yang berhutang itu membayarnya kerana patuh kepada perintah Allah swt.

Kesimpulan daripada hadis

- 1- Galakan agar membayar dengan baik hutang orang lain ketika berhutang.
- 2- Peringatan daripada makan harta orang lain dengan cara yang salah.
- 3- Balasan itu setimpal dengan amalan yang dilakukan.
- 4- Tidak menjauhkan diri dari (membayar) hutang bagi orang yang ingin menunaikan janji.

شرح الحديث

- ١- المراد بالمال عند أهل البادية هو النعم.
- ٢- يغلب استعمال كلمة "الناس" في الإنس.
- ٣- المراد بإتلافها في الحديث هو عدم رد المال إلى صاحبه.
- ٤- المراد بقوله "أتلفه الله" هو عذاب الأخرة.
- ٥- يحتاج الفرد والجماعة إلى التبادل لتحقيق المصالح المادية والمعنوية.

قام الإسلام بتنظيم الدين على وجوده، بينها :

- i- بتوثيقه بالكتابة.
- ii- إذا حالت حوائل دون الكتابة ومنعت موانع من تنفيذ هذا التوثيق، قدم المدين رهنا يقبضه الدائن استيثاقا لدينه.
- iii- إن وثق الدائن بالمدين ولم تكن كتابة ولم يكن رهن اعتمادا على الثقة والأمانة. ووجب على المدين أداء الدين خضوعا لأمر الله.

ما يؤخذ من الحديث:

- ١- الحظ على حسن التأدية لأموال الناس عند المداينة.
- ٢- التحذير من أكلها بالباطل.
- ٣- الجزاء من جنس العمل.
- ٤- عدم التحرج من الدين لمن ينوي الوفاء.

AMALAN YANG PALING DISUKAI OLEH NABI SAW

Daripada Masruq berkata : Aku bertanya pada Aisyah r.a, apakah amalan yang paling nabi s.a.w sukai Aisyah berkata amalan yang biasa dilakukan baginda. Aku bertanya lagi : pada masa manakah baginda melakukannya? Aisyah berkata :baginda akan bangun (mendirikan solat) apabila mendengar suara ayam berkokok. Dalam riwayat lain : apabila mendengar kokokan ayam baginda bangkit dan mendirikan solat.

Perbendaharaan kata

Amal : maksudnya amal soleh

Addaim : berterusan yang tidak putus

Hiina : masa

Sorikh : maksudnya ayam

1. Tajuk hadis ini ialah Amalan Yang Paling Disukai Oleh Nabi Saw
2. Soalan dalam hadis ini dituju kepada ummul mukminin Aisyah r.a
3. Tanda menyukai sesuatu amalan itu ialah berterusannya melakukan amalan tersebut.
4. Bentuk amalan yang disebut oleh ummul mukminin Aisyah ialah berterusan melakukan amalan tersebut
5. Orang yang bertanya kepada ummul mukminin untuk kali keduanya ialah tentang solat nabi saw..

Kesimpulan daripada hadis

- 1- Galakan agar sentiasa melakukan amalan soleh.
- 2- Mengambil ilmu dan amalan itu dari orang yang tahu.
- 3- Memberi kepercayaan pada wanita dan mengambil ilmu daripadanya selagi ianya tahu perkara tersebut.

أحب الأعمال الصالحة إلى النبي صلى الله عليه وسلم

عن أبي مسروق قال: سألت عائشة رضي الله عنها أي العمل كان أحب إلى النبي صلى الله عليه وسلم؟ قالت: الدائم. قال: قلت: في أي حين كان يقوم؟ قالت: كان يقوم إذا سمع الصارخ. وفي رواية: إذا سمع الصارخ قام فصلي.

[أخرجه البخاري في باب القصد والمداومة على العمل]

المفردات :

العمل : المراد به العمل الصالح

الدائم : المستمر الذي ليس بمنقطع

حين : الوقت

الصارخ : المراد به الديك

١- موضوع هذا الحديث هو أحب الأعمال الصالحة إلى النبي (ص)

٢- يتوجه بالسؤال في هذا الحديث إلى أم المؤمنين عائشة رضي الله عنها

٣- دليل على الاقتناع بالعمل هو الاستمرار على العمل.

٤- صفة العمل التي ذكرها أم المؤمنين عائشة رضي الله عنها هي مداومة العمل

٥- يسأل السائل أم المؤمنين مرة ثانية عن قيامه عليه السلام.

ما يؤخذ من الحديث:

١. الحث على مداومة العمل الصالح.

٢. أخذ العلم والعمل عن أهلهم.

٣. الثقة بالمرأة وأخذ العلم عنها ما دامت أهلاً لذلك.

JALAN KE SYURGA

Daripada Abu Hurairah ra bahawa seorang arab badwi datang kepada nabi saw dan berkata : tunjukkan aku satu amalan, apabila aku lakukannya aku akan masuk syurga. Baginda berkata: kamu menyembah Allah, tidak menyekutukannya dengan sesuatu, mendirikan solat yang difardukan, menunaikan zakat yang wajib dan puasa di bulan Ramadhan. Lelaki itu berkata : demi tuhan yang nyawaku di tangannya, aku tidak akan tambah melebihi daripada perkara ini. Setelah lelaki itu pergi, nabi saw berkata : siapa yang ingin melihat lelaki penghuni syurga maka lihatlah lelaki tersebut.

Perbendaharaan kata:

A'rabi : kata tunggalnya a'rab, golongan ini tinggal di pedalaman.

Ata : ityan – kedatangan.

Dullani : dilalah – petunjuk

Ta'budullah : ibadah ialah darjat merendah diri yang paling agung dan tujuan yang paling tinggi.

Tuqimus solatal maktubah : mendirikan solat iaitu sentisa menunaikannya dalam waktunya dan dengan penuh khusyu' dan merendah diri.

Tuaddiz zakatal mafrudah : menunaikan zakat iaitu menyampaikan sesuatu kepada sesuatu (golongan tertentu)

Tasumu : menahan diri dengan niat (puasa) daripada dua nafsu syahwat iaitu perut dan kemaluan bermula dari terbit fajar sehingga terbenam matahari.

Walla : berlalu pergi

الوسيلة إلى الجنة

عن أبي هريرة رضي الله عنه - أن أعرابيا أتى النبي صلى الله عليه وسلم، فقال: دلني على عمل إذا عملته دخلت الجنة. قال: تعبد الله لا تشرك به شيئا، وتقيم الصلاة المكتوبة، وتؤدي الزكاة المفروضة، وتصوم رمضان. قال: والذي نفسي بيده لا أزيد على هذا.

فلما ولى قال النبي صلى الله عليه وسلم : من سره أن ينظر إلى رجل من أهل الجنة فلينظر إلى هذا. [أخرجه البخاري في باب الزكاة]

المفردات :

الأعرابيا : واحد الأعراب، وهم ساكنو البادية

أتى : الاتيان - أي المجيء

دلني : الدلالة - أي الإرشاد

تعبد الله : العبادة - هي أعظم درجات الخضوع وأقصى غاياته

تقيم الصلاة المكتوبة : إقامة الصلاة - هي المداومة على أداءها في أوقاتها، وافية بخشوع وخضوع

تؤدي الزكاة المفروضة : الأداء - إيصال الشيء إلى الشيء

تصوم : هو الامساك بنية عن شهوتي البطن والفرج من طلوع الفجر إلى غروبها

ولى : أدبر

- 1- Tajuk hadis ini ialah jalan ke syurga
- 2- Maksud solat yang difardukan ialah solat lima waktu
- 3- Zakat ialah kadar harta yang ditentukan syara' yang dikeluarkan oleh orang kaya daripada hartanya yang telah sampai nisab.
- 4- Fardu ialah perkara yang diwajibkan Allah swt kepada hambanya.
- 5- A'rabi yang datang bertemu nabi saw itu ialah seorang lelaki daripada penduduk kampung di pedalaman yang dikenali sebagai ibnu muntafiq.

Pengajaran daripada hadis:

- 1- Tiada hak sebenarnya untuk menyembah makhluk kecuali menyembah pencipta makhluk tersebut
- 2- Menjelaskan bahawa ibadat itu menyempaikan ke syurga
- 3- Orang islam wajib bertanya perkara yang ia tidak tahu kepada orang yang berilmu.

١ - موضوع هذا الحديث هو الوسيلة إلى الجنة

٢ - المراد بالصلاة المكتوبة الصلوات الخمس.

٣ - الزكاة هي قدر من المال حدده الشرع، يخرج الغني من ماله الذي بلغه نصابا.

٤ - الفرض هو ما أوجبه الله على عباده.

٥ - الأعرابي الذي أتى النبي (ص) هو رجل من أهل البادية ويعرف بابن المنتفق.

ما يؤخذ من الحديث:

١ - لا يستحق العبادة من الخلق إلا من خلق الخلق.

٢ - بيان أن العبادات توصل إلى الجنة.

٣ - يجب على المسلم أن يسأل عما يجهل أهل المعرفة.

Pelajaran 5

KEKAYAAN (YANG SEBENAR) IALAH KAYA JIWA

Daripada Abu Huarairah ra daripada nabi saw bersabda : bukanlah kekayaan itu dengan banyaknya harta tetapi kekayaan (yang sebenar) ialah kaya jiwa.

Perbendaharaan kata:

Ghina : setiap perkara yang dapat memenuhi keperluan, ianya sama ada dengan harta atau lainnya.

'an kathratil 'aradi : al 'arad ialah setiap perkara yang menjadi kesenangan di dunia.

Ghinan nafsi : maksudnya jiwa yang rasa berpuas dan redha dengan apa yang dibahagikan Allah swt.

- 1- Tajuk hadis ini ialah Kekayaan (Yang Sebenar) ialah Kaya Jiwa.
- 2- Kita dapati dalam hadis ini terdapat dalil dalam menerangkan hubungan manusia dengan dunia.
- 3- Harta itu dipuji mengikut kadar sumbangannya kepada masyarakat
- 4- Harta itu dicela mengikut keadaan tuan harta itu dan masyarakatnya menghambakan diri pada harta tersebut.
- 5- Cara untuk mendapat jiwa yang kaya ialah dengan kayanya hati melalui mendekati diri pada tuhanNya dalam semua perkara.

الغنى غنى النفس

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : ليس الغنى عن كثرة الغرض ولكن الغنى غنى النفس.

[أخرجه البخاري في باب الغنى غنى النفس]

المفردات :

الغنى : كل ما ينافي الحاجة، ويكون بالمال أو بغيره.

عن كثرة الغرض : العرض - هو كل ما يتمتع به في الدنيا

غنى النفس : المراد به قناعتها ورضاها بما قسم الله

١- موضوع هذا الحديث : الغنى غنى النفس.

٢- نجد في هذا الحديث أصل في الكشف عن علاقة الإنسان بالدنيا.

٣- أ) يمدح المال بمقدار ما يخدم المجتمع

ب) يذم المال بمقدار ما يستعبد صاحبه ومجتمعه.

٤- يحصل غنى النفس بغنى القلب بأن يلجأ إلى ربه في جميع أموره.

Pengajaran daripada hadis:

- 1- Kekayaan dan kefakiran dengan ukuran masyarakat material adala ditolah dalam Islam.
- 2- Ukuran sebenar kaya dan fakir itu ialah kayanya jiwa atau fakirnya jiwa.
- 3- Sepatutnya Keadaan orang mukmin itu sama ada sedikit hartanya atau banyak hendaklah hatinya penuh kepercayaan kepada Allah swt sahaja.

ما يؤخذ من الحديث:

١ - الغنى والفقير بمقياس المجتمعات المادية برفضه الإسلام.

٢ - المقياس الحق للغني والفقير هو غنى النفس وقرها.

٣ - اللائق بحال المؤمن قل ماله أو أكثر أن يملاء قلبه بالثقة الله وحده

Pelajaran 6

Menyambung hubungan kekeluargaan memanjangkan usia dan meluaskan rezeki

Daripada Anas bin Malik ra berkata :Saya mendengar Rasulullah saw bersabda : “Barangsiapa yang ingin menambahkan rezekinya atau dipanjangkan umurnya maka hendaklah ia menjalinkan hubungan kekeluargaan”.

Perawi hadis ini ialah Anas bin Malik ra

Anas bin Malik ra ialah Abu Hamzah, nabi saw mengelarnya dengan Baqlah yang ia menjauhinya. Beliau meninggal dunia di rumahnya berhampiran dengan Basrahtahun 91 H. Beliau adalah yang terakhir di kalangan sahabat nabi saw yang mati di Basrah.

Perbendaharaan kata:

Sarrahu : gembira

Yubsitu : diluaskan

Rizqahu : kata nama bagi perkara yang dimiliki oleh seseorang yang boleh digunakannya

Yansaa: dilanjutkan usianya

Atharihi : maksudnya – baki umurnya.

Rahimahu : kaum kerabatnya

صلة الرحم تطيل الأجل وتوسع الرزق

عن أنس بن مالك رضي الله عنه قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: من سره أن يبسط له في رزقه أو ينسأ له في أثره فليصل رحمه.

أخرجه البخاري

راوي هذا الحديث هو أنس بن مالك.

أنس بن مالك هو أبو حمزة كناه النبي (ص) ببقلة كان يجتنبها، وتوفي بقصره بالقرب من البصرة عام 91 هـ وهو آخر من مات بالبصرة من الصحابة رضي الله عنهم.

المفردات :

سره : السرور / الفرح

يبسط : البسط أي السعة

رزقه : الرزق – اسم لما يملك صاحبه الانتفاع به

ينسأ : يؤخر له.

أثره : المراد به بقية عمره

رحمه : قرابته

- 1- Kegembiraan ialah kelazatan hati dengan mendapat apa yang diinginkan
- 2- Maksud [luas] pada rezeki ialah keberkatan manakala pada umur pula ialah kuat jasmani dan sihat.
- 3- Islam mengajak melalui lidah nabinya kepada ikatan di antara anggota satu keluarga agar menjadi kuat.
- 4- Rasulullah menjadikan luas rezeki dan panjang umur sebagai cara menggalakkan menyambung hubungan kekeluargaan.
- 5- Antara sebab luasnya rezeki dan panjang umur ialah menyambung hubungan kekeluargaan.

Pengajaran hadis:

- 1- galakan mengukuhkan ikatan kekeluargaan.
- 2- dibenarkan menyukai rezeki yang banyak dan dibenarkan juga inginkan umur panjang.
- 3- berbuat baik dengan ahli keluarga dan kaum kerabat akan mendapat kedudukan di sisi Allah.

١- معنى السرور هو لذة القلب بنيل ما يشتهي

٢- المراد بـ [السعة] - في الرزق : البركة.

- في العمر : قوة الجسد والصحة

٣- يدعو الإسلام على لسان نبيه إلى الربط بين أفراد الأسرة الواحدة لتكون قوية.

٤- جعل الرسول الكريم كلا من سعة الرزق وطول العمر وسيلة للترغيب في صلة الرحم.

٥- من أسباب التي تسع الرزق وتطيل العمر صلة الرحم.

ما يستفاد من الحديث

١- الحث على تقوية روابط الأسرة.

٢- جواز محبة السعة في الرزق وجواز الرغبة في طول العمر.

٣- البر بالأهل والأقارب يورث المنزلة عند الله.

Pelajaran 7

Islam mengambil berat berkaitan pembantu rumah

Daripada Abu Hurairah r.a dari nabi saw berkata : “Apabila pembantu seseorang daripada kamu membawa makanan, jika ia tidak mempersilakannya duduk bersamanya dan makan makanan tersebut sesuap dua atau makan sekali dua kerana makanan tersebut dia yang membuatnya.

Perbendaharaan kata :

Ahadakum :nama bagi yang berakal ia terjadi pada lelaki, perempuan dan kumpulan manusia. / tuan atau suri rumah.

Khadimuhu : [الخادم] pembantu, disebut juga sebagai [الجارية] hamba perempuan dan [الغلام].budak suruhan

Bita’amihi : [الطعام] kata nama bagi sesuatu yang dimakan.

Palyutanalwilhu :berikanlah makan

Luqmatan :kata nama bagi benda yang disuap sekali suap.

Uklatan : [الأكلة] adalah seperti “suapan” dari sudut wazan dan maksudnya.

Wulia ‘ilajuhu :ia yang membuatnya, memasaknya dan menghidangkannya.

1- Hadis ini memberi nasihat tentang bentuk hubungan kemanusiaan bersama hamba (pembantu rumah).

2- Perkara yang dituntut pada Majikan lakukan terhadap pembantu rumah ialah mengajak pembantu rumahnya duduk bersamanya untuk makan sedikit makanan yang dia buatkannya.

عناية الإسلام بالخدام

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : إذا أتى أحدكم خادمه بطعامه فإن لم يجلسه معه فليناوله لقمة أو لقمتين أو أكلة أو أكلتين فإنه ولي علاجه
أخرجه البخاري

المفردات :

أحدكم : اسم لمن يعقل، ويقع على الذكر والأنثى والجمع. / السيد أو ربة البيت

خادمه : الخادم ويطلق على الجارية والغلام.

بطعامه : الطعام : اسم لما يؤكل

فليتناوله : فليعطه

لقمة : اسم لما يلقم في مرة

أكلة : الأكلة كاللقمة وزنا ومعنى

ولي علاجه : قام على صنعه وطبخه وتولى احضاره.

١- توجيه هذا الحديث بنوع من المعاملة الإنسانية مع الرقيق.

٢- المطلوب على المخدم للخدام أن يدعو خادمه فيجلسه معه ليصيب شيئا من الطعام الذي تولى تهيئته.

Pengajaran hadis :

- 1- Galakan mengambil berat dengan urusan pembantu rumah
- 2- Arahan agar menjaga perasaan orang lain.
- 3- mendidik orang Islam berakhlak pemurah dan memberi serta membelanjakan apa yang disukai untuk mendapat kasih Allah swt kemuliaan balasannya.

ما يرشد إليه الحديث :

١- الحث على الاهتمام بأمر الخادم

٢- التوجيه إلى مراعاة شعور الآخرين

٣- تدريب المسلم على خلق البذل والإعطاء والإنفاق مما يجب ليظفر بمحبة الله تعالى وكرامته جزائه.

Pelajaran 8

Persaudaraan Islam dan tuntutananya

Daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah saw berkata : seorang muslim itu saudara muslim yang lain, ia tidak akan menzaliminya dan tidak mengecewakannya. Sesiapa yang memenuhi keperluan saudaranya maka Allah akan menyempurnakan keperluannya. Sesiapa yang menghilangkan kesusahan saudaranya maka Allah akan menghilangkan kesusahannya di hari kiamat dan sesiapa yang menutup keaiban saudara muslimnya maka Allah akan menutup keaibannya.

Perbendaharaan kata :

Al muslim akhu muslim : orang islam ialah orang yang beragama Islam dan membesar mengikut islam atau orang yang masuk Islam selepas sebelum ini di luar Islam.

Layazlimuhu : [zulmu] asal maknanya : meletakkan sesuatu pada bukan tempatnya.

La yaslimuhu : tidak mengecewakannya

Farraja : menyingkapnya

Kurbatan : kata nama daripada sesuatu perkara yang menyusahkannya.

1- Erti Islam ialah ketaatan pada Allah, yang mana ia dapat menyelamatkan tuannya dari balasan Allah swt.

2- Erti [] ialah terlepas dari kesusahan.

3- Maksud [] dalam hadis ini ialah dukacita yang mengganggu jiwa.

أخوة الاسلام وما يقتضيه

عن ابن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : المسلم أخو المسلم لا يظلمه ولا يسلمه، ومن كان في حاجة أخيه كان الله في حاجته، ومن فرج عن مسلم كربة فرج الله عنه كربة من كربات يوم القيامة، ومن ستر مسلما ستره الله يوم القيامة.
أخرجه البخاري

المفردات :

المسلم أخو المسلم : المسلم من دان بدين الاسلام ناشئا عليه أو داخلا فيه بعد أن كان خارجا عنه.

لا يظلمه : الظلم، أصله: وضع الشيء في غير موضعه.

لا يسلمه : لا يخذه

فرج : كشفه

كربة : اسم ممن كرهه الأمر كريا، أي شق عليه

١- معنى الاسلام هو طاعة الله التي يسلم بها صاحبها من عقابه سبحانه وتعالى.

٢- معنى الفرج هو الخلوص من الشدة.

٣- المراد بالكرب هو الغم الذي يأخذ بالنفس.

4- Hadis ini menggalakkan kita agar memenuhi keperluan saudara muslim lain. Keperluan manusia terlalu banyak sama ada bentuk kebendaan atau kerohanian.

- Hadis ini juga menggalakkan kita agar menghilangkan kesusahan saudara muslim apabila berlaku sedemikian

- Kita digalakkan menutup keaiban saudara muslim apabila kita melihat perkara buruk yang tidak menepati apa yang dibawa Islam, kita tidak boleh menyebarkan di kalangan orang ramai.

Pengajaran hadis :

1- Berusaha untuk mengukuhkan ikatan Islam.

2- galakan untuk tolong menolong dan bergaul dengan baik

3- orang Islam perlu melaksanakan tanggungjawab terhadap saudaranya ikhlas kerana Allah swt.

٤- رغبتنا الحديث في سد حاجة المسلم وما أكثر حاجات الانسان المادية والمعنوية.

- رغبتنا في تخليصه في الشدة إذا وقع فيها.

- وحبب إلينا ستره إذا رأينا أمرا قبيحا بما جاء به الاسلام لا نعمل على أذاعته بين الناس.

ما يستفاد من الحديث :

١- العمل على تقوية الروابط الاسلامية

٢- الحض على التعاون وحسن العشرة

٣- ينبغي للمسلم أن يقوم بحقوق أخيه احتسابا لله.

Pelajaran 9

Membantu orang zalim dan orang yang dizalimi

Daripada Anas r.a berkata : Rasulullah saw bersabda : “Bantulah saudara kamu yang zalim dan yang dizalimi”. Para sahabat baginda bertanya : orang yang dizalimi ini patutlah kami akan tolong. Bagaimana kami akan bantu orang yang zalim ?.lalu baginda menjawab : “kamu ambil tangganinya (kamu cegah daripada ia melakukan kezaliman).

Perbendaharaan kata :

Unsur : [النصر] dalam bahasa Arab ialah pertolongan dan menguatkan, lawan kepada permusuhan.

Akhaka : disandarkan kepada gantinama diri kedua pada makna [] seorang muslim itu saudara muslim yang lain.

Zaliman : [الظلم] kezaliman dan melampaui had. Ertinya ialah meletakkan sesuatu pada bukan tempatnya.

Ta'khuzu baina yadaihi : kiasan bagi menahan kezaliman dengan perbuatan dan kekuatan sekiranya tidak dapat menolaknya dengan kata-kata.

1- Ungkapan [انصر أخاك ظالما أو مظلوما] asalnya adalah perumpamaan Arab jahliyah.

2- Kita dapati pertolongan di zaman Jahiliyah adalah berbentuk perkauman, tidak mengakui yang hak dan tidak menafikan kemungkaran.

3- Islam datang, tauhid menggantikan syirik.

4- Islam menfokuskan ke arah memberikan hak sebenar menggantikan bentuk perkauman.

نصر الظالم والمظلوم

عن أنس رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، انصر أخاك ظالما أو مظلوما. قالوا: يا رسول الله، هذا ننصره مظلوما، فكيف ننصره ظالما؟ فقال: تأخذ فوق يديه. أخرجه البخاري

المفردات :

انصر : النصر عند العرب هو الإعانة والتقوية ، ضد الخصم

أخاك : بالإضافة إلى ضمير الخطاب في معنى [المسلم أخو المسلم]

ظالما : الظلم – الجور ومجاوزة الحد. أصله: وضع الشيء في غير موضعه

تأخذ فوق يديه : كناية عن كفه عن الظلم بالفعل والقوة إن لم يردعه القول.

١- هذا التعبير [انصر أخاك ظالما أو مظلوما] في أصل وضعه مثل عربي جاهلي.

٢- نجد أن نصرة الجاهلية عنصرية لا تعرف حقا ولا تنكر باطلا

٣- جاء الاسلام استبدال التوحيد بالشرك

٤- اتجه الاسلام إلى إحقاق الحق بدلا من العنصرية.

5- Rasulullah saw menjelaskan tentang soalan [فكيف ننصره ظالما] :

- i) perkara tersebut pertamanya dilakukan dengan kata-kata (nasihat).
- ii) keduanya dengan tindakan sekiranya tidak berkesan dengan kata-kata.

6- Ungkapan dengan [فوق] atas, menunjukkan kepada menggunakan kuasa dan kekuatan (untuk mencegah kezaliman).

7- Tujuan memberi pertolongan di sini antara ialah menghalang kemudaratan.

8- Imam al Baihaqi menjelaskan maksud orang zalim ialah orang yang menzalimi dirinya sendiri (dengan melakukan kemungkaran).

9- Perkara yang dituntut ke atas umat nabi Muhammad saw ialah menyuruh perkara kebaikan dan mencegah perkara kejahatan.

Pengajaran hadis :

1- Memerangi pemikiran yang rosak dengan pemikiran yang betul.

2- memberikan hak (kepada yang berhak) itu adalah wajib.

3- menolak / mencegah orang zalim dari kezalimannya sekalipun terhadap diri orang tersebut adalah wajib dengan kata-kata (nasihat). Sekiranya tidak dapat mencegahnya maka wajiblih menggunakan kekuatan di samping kata-kata (nasihat).

٥- بين الرسول الكريم عليه السلام عن السؤال [فكيف ننصره ظالما؟] :

أ) أنها تكون أولا بالقول

ب) وثانيا بالفعل إن لم يرتدع بالقول.

٦- [تأخذ فوق يديه] - التعبير بالفوقية إشارة إلى الأخذ بالاستعلاء واستعمال القوة.

٧- الغرض من النصرة منع الضرر.

٨- قال البيهقي في الظالم : الظالم مظلوم في نفسه.

٩- المطلوب على الأمة المحمدية : الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر.

ما يرشد إليه الحديث:

١- محاربة الفكرة الفاسدة بالفكرة الصالحة.

٢- إحقاق الحق واجب

٣- ردع الظالم عن ظلمه ولو لنفسه فريضة بالقول فإن لم يرتدع به وجب استعمال القوة معه.

Bahaya kata-kata

Daripada Abu Hurairah r.a dari nabi saw bahawa seorang hamba itu akan bercakap dengan perkataan yang diredhai Allah swt. Ia tidak fikirkan balasannya maka Allah swt akan angkat dengan kata-kata tersebut beberapa darjat. Dan seorang hamba itu akan bercakap dengan perkataan yang dimurkai Allah swt. Ia tidak fikirkan akibatnya maka Allah swt akan campakkan dengan sebab kata-kata tersebut ke dalam neraka.

Perbendaharaan kata :

Abda : keadaan sebelum merdeka. Maksudnya di sini ialah seorang muslim secara umum.

Ridwan : banyak keredaan, lawannya kebencian.

Baalan : hati

Darajat : tempat tinggi ketika naik menjulang.

Sakhatillah : [السخط] : kemarahan.

Yahwi : [الهوى] jatuh dari atas ke bawah.

Jahannam : nama neraka di hari akhirat. Dinamakan sedemikian kerana dalam dasarnya.

1- Maksud [العبد] di sini ialah seorang muslim secara umum.

2- Maksud [الكلمة] ialah kata-kata yang merangkumi perkara yang mempunyai kebaikan dan keburukan.

3- Maksud [لا يلقى بالا] ialah tidak memerhati dan berfikir tentang akibatnya.

خطر الكلمة

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم، إن العبد ليتكلم بالكلمة من رضوان الله لا يلقى لها بالا، يرفع الله بها درجات. وإن العبد ليتكلم بالكلمة من سخط الله لا يلقى لها بالا، يهوي بها في جهنم. أخرجه البخاري

المفردات

العبد : ما قبل الحر. والمراد به هنا المسلم مطلقا.

رضوان : الرضوان هو الكثير من الرضا، وضده سخط.

بالا : البال أي القلب

درجات : المراقي في حاله الارتفاع

سخط الله : السخط أي الغضب

يهوي : الهوى – السقوط من أعلى إلى أسفل

جهنم : اسم ل نار الآخرة. وسميت بذلك لبعدها قعرها.

١- المراد ب [العبد] هنا المسلم مطلقا.

٢- المراد ب [الكلمة] : الكلام المشتمل على ما يفهم الخير والشر.

٣- المقصود ب [لا يلقى بالا] : لا يتأملها ولا يتفكرها في عاقبتها

4- Dinamakan neraka di hari akhirat dengan jahannam kerana dalam dasarnya.

5- Rasulullah saw menghabiskan hidupnya untuk memberi hidayat kepada manusia untuk mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya dengan izin tuhan.

6- Dakwah Rasulullah saw berasaskan kepada :

i)memberi berita gembira kepada orang yang melakukan amalan baik.

ii)memberi amaran / ancaman kepada orang yang melakukan amalan buruk.

7- Hakikat syukur ialah tidak menggunakan nikmat Allah swt pada maksiat terhadapNya.

8- Hakikat ketaatan ialah anda tiada (melakukan) sesuatu yang dilarang anda (lakukannya) dan anda tidak ketinggalan (melakukan) sesuatu yang di suruh anda lakukannya.

9- Orang zalim wajib dikenakan hukuman mengikut kehendak syarak dan akal sama ada orang tersebut memikirkannya atau tidak perkara tersebut.

Pengajaran hadis :

1- Menjelaskan besarnya pahala bagi perkataan yang baik.

2- setiap muslim perlu mengingati apa-apa nikmat yang Allah berikan kepadanya agar segera mensyukurinya dengan menggunakannya (pada perkara kebaikan).

3- akal yang bijaksana ialah akal yang mengambil berat tentang tempat kesudahannya dan bersedia untuk perkara yang membahagiakannya di akhirat.

٤ - سميت نار الآخرة بـ [جهنم] لبعدها.

٥ - قضى رسول الله حياته على أن يهدي الناس ليخرجهم من الظلمات إلى النور بإذن ربهم.

٦ - قامت دعوة الرسول الكريم على :

أ) التبشير لذوي الأعمال الصالحة

ب) الإنذار لذوي الأعمال السيئة

٧ - حقيقة الشكر : أن لا يستعان بنعم الله في معصيته

٨ - حقيقة الطاعة : أن لا يجردك حيث نأاك ولا يفقدك حيث أمرك.

٩ - يستحق على الظالم العقاب بمقتضى الشرائع والعقول ألقى لذلك بال لم يلق.

ما يستفاد من الحديث :

١ - بيان عظيم المثوبة على الكلمة الطيبة وسوء العذاب على الكلمة الخبيثة

٢ - ينبغي لكل مسلم أن يذكر ما أفاه الله عليه من النعم ليسارع إلى شكره باستخدامها.

٤ - العقل الحصيف هو الذي يعنى بمصيره والأعداد لما يسعده في آخرته.